

Kaji subsidi komoditi

U.M 8.1.2008 m/4 12

Oleh **NORAINI ABD. RAZAK**
(WARTAWAN UTUSAN)

BARU-BARU ini Menteri Keuangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop memperkatakan tentang jumlah subsidi yang dibelanjakan oleh kerajaan terhadap minyak dan komoditi penting lain.

Jumlahnya bukan sedikit. Sebanyak RM40 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut iaitu sama banyak dengan nilai perbelanjaan bagi projek pembangunan tahunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Semestinya peruntukan sebanyak itu jika dimanfaatkan untuk membina jalan, hospital, sekolah dan menaik taraf kemudahan di kawasan luar bandar - hasilnya pasti dimanfaatkan oleh rakyat bawahan.

Namun itu bukan bermakna langkah kerajaan memperuntukkan sejumlah belanjawan untuk subsidi tidak dimanfaatkan oleh rakyat kebanyakan. Malah, subsidi itu sendiri adalah wang yang dibayar oleh kerajaan kepada pengeluar atau penjual sesuatu produk supaya harga runcit produk tersebut rendah berbanding kos sebenar atau harga pasaran.

Matlamat subsidi tidak lain tidak bukan bertujuan meringankan beban pengguna supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan yang tidak tertekan.

Sebab itu rakyat di negara kita berkeupayaan memandu kenderaan yang diisi dengan minyak pada harga subsidi dan memasak menggunakan gas yang

menyebabkan golongan berkemampuan seperti saya turut menikmatinya.

"Bukankah ia sesuatu yang tidak adil kerana sepatutnya golongan seperti saya tidak patut menikmati subsidi seumpama itu," katanya yang mencadangkan kepada kerajaan supaya mengkaji semula mekanisme memperuntukkan subsidi bagi minyak dan komoditi lain.

Ini kerana katanya, adalah lebih berfaedah jika peruntukan subsidi diguna pakai untuk tujuan-tujuan lain yang lebih menguntungkan rakyat jelata.

Beliau yang terlibat dalam industri pemborongan barangan keperluan harian berkata, adalah lebih menyakitkan apabila subsidi yang disediakan untuk rakyat jelata turut dimanfaatkan oleh orang asing.

Perkara itu jelas. Penyeludupan petroleum dan diesel pada harga subsidi ke negara jiran adalah contoh yang paling nyata. Kekurangan bekalan minyak masak yang sedang hangat diperkatakan sekarang ini juga membuktikan bahawa antara puncaknya ialah sikap tamak peniaga menyeludup barangan tersebut ke negara jiran.

Mereka menggunakan sikap murah hati kerajaan untuk kepentingan sendiri sehingga sanggup menyetepikan keperluan penduduk di negara ini yang sepatutnya diberi keutamaan untuk menikmati keistimewaan tersebut.

Ameer menegaskan, apabila berlakunya penyeludupan, penyelewengan dan penipuan, maka satu usaha untuk membendung kegiatan tersebut melibatkan pasukan penguatkuasaan mesti dilaksanakan.



TIADA PILIHAN ... Seorang pelanggan kecewa apabila mendapati bekalan minyak masak daripada kelapa sawit telah habis dijual di sebuah pasar raya.

Yang mana satu lebih penting kepada pengguna, harga barangan dinaikkan atau barangan langsung tidak ada di pasaran?

AMEER ALI MYDIN
Pengarah
Urusan Mydin
Mohamed
Holdings Bhd.

juga disubsidi.

Tiada pilih kasih dalam menikmati harga subsidi - daripada penganggur hinggalah kepada jutawan - semuanya boleh menikmati barangan yang dijual pada harga subsidi.

Malah, jika diamati jumlah rakyat negara ini yang memiliki kenderaan, kita boleh membuat kesimpulan bahawa subsidi dari satu sudut menguntungkan orang kaya yang memiliki banyak kereta berbanding orang miskin yang mempunyai motosikal. Timbul persoalan adakah amalan seumpama itu adil sedangkan matlamat asal pemberian subsidi itu bertujuan meringankan beban yang perlu ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah.

Apabila ditanya mengenai senario itu, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Datuk Ameer Ali Mydin bersetuju dengan realiti sebenar dunia subsidi yang hakikatnya kadangkala tersasar daripada matlamat asal ia diperkenalkan.

"Contoh yang amat mudah. Saya lebih daripada mampu untuk membeli minyak masak pada harga subsidi, tetapi oleh kerana minyak masak harga subsidi ada di pasaran, saya mesti membeli minyak masak berkenaan.

"Begitu juga dengan penggunaan petrol. Saya mampu untuk membayar harga petrol tanpa subsidi tapi program pemberian subsidi yang menyeluruh

Mengatasi

Dan ia semestinya memerlukan sejumlah peruntukan lain untuk mengatasi masalah tersebut dan ia akan mendorong satu lagi pembiayaan tidak perlu di pihak kerajaan.

Ditanya apa jalan penyelesaian kemelut ini yang sekali gus menimbulkan suasana 'tidak tenteram' di kalangan pengguna, Ameer mengemukakan pandangan tersendiri yang pasti membangkitkan kemarahan pengguna.

"Naikkan harga barangan dan kaji semula mekanisme subsidi," jawabnya ringkas.

Alasan yang dikemukakan oleh usahawan berjaya ini boleh diterima akal biarpun reaksi yang bakal diterima sudah boleh diduga.

Ameer berkata, kajian semula yang dicadangkannya itu, malah banyak kali juga dibangkitkan oleh pakar-pakar ekonomi bukan bermakna peruntukan subsidi itu mesti dihentikan serta-merta.

Ia mesti dilaksanakan secara berperingkat dalam usaha mendidik masyarakat supaya bersedia menerima hakikat bahawa kerajaan tidak selama-lamanya boleh mengasingkan belanjawan negara untuk subsidi petroleum dan komoditi lain.

Dan semestinya kita tidak mahu apabila tiba masanya, rakyat tidak dapat

menerima perubahan mendadak lantas membuat bantahan besar-besaran sehingga merosakkan kepercayaan kepada kerajaan.

Beliau turut membangkitkan persoalan ini sebagai salah satu rasional untuk menyokong cadangannya.

"Yang mana satu lebih penting kepada pengguna, harga barangan dinaikkan atau barangan langsung tidak ada di pasaran?"

"Dan jika berlaku pun kenaikan, ia bukan pada kadar yang tidak termampu oleh rakyat," katanya.

Beliau berkata, kenaikan harga barangan secara berperingkat itu jelas tidak mendatangkan kesan yang mudarat kepada pengguna sebaliknya pemberian subsidi secara terus-menerus akan menjejaskan peruntukan pembangunan negara.

Ameer turut melihat satu lagi kaedah yang boleh diperkenalkan untuk mengatasi masalah subsidi iaitu 'biar orang yang lebih menggunakan barangan tersebut membayar'.

Pada masa yang sama, Ameer melihat gesaan supaya imbuhan pekerja di sektor awam dan swasta dinaikkan biarpun dilihat oleh banyak pihak sebagai keterlaluan, sebagai perlu diteliti.

Penelitian itu, katanya, amat penting kerana peningkatan gaji mendorong keupayaan pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan, oleh itu jika ada pun keluhan kenaikan harga ia tidaklah

keterlaluan.

Sementara itu Presiden Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA), N. Marimuthu yang sependapat dengan Ameer berkata, banyak cara lain untuk kerajaan membantu rakyat jika pemberian subsidi dihentikan secara berperingkat.

Dan beliau yakin langkah itu mesti dilaksanakan secepat mungkin kerana kerajaan tidak mempunyai masa yang panjang untuk mendidik rakyat supaya tidak bergantung kepada subsidi.

"Misalnya bagi harga minyak masak, penjualan pada harga sebenar mesti dilakukan secara berperingkat mulai sekarang dan ia mungkin mengambil masa lima tahun untuk dilaksanakan sepenuhnya.

"Ketika itu rakyat telah bersedia untuk menerima hakikat bahawa tiada lagi subsidi kerana mereka telah faham bahawa subsidi hanya bersifat sementara," katanya.

Kenaikan harga secara sederhana tidak akan memberi kesan mengejut kepada rakyat dan memberikan ruang untuk mereka sebagai pengguna membuat penyesuaian sewajarnya dalam perbelanjaan harian.

Tegas Marimuthu, rakyat mesti sedar bahawa menyediakan keperluan asas adalah tanggungjawab kita dan mekanisme pemberian subsidi mesti dikaji semula untuk kebaikan semua pihak.